

## **MODEL EKOSISTEM PENDIDIKAN ORANG KELAINAN UPAYA: ANALISA TINJAUAN DOKUMEN**

*(Ecosystem Model Of Education Of People With Disabilities: Document Review  
Analysis)*

**\*Mohd Izzuddin Mohd Pisol<sup>1</sup>, Norhisham Muhammad<sup>2</sup>, Hazlin Falina Rosli<sup>3</sup>,  
Zetty Nurzuliana Rashed<sup>1</sup>, Zur'ain Harun<sup>1</sup>, Muhammad Najib Abdul Halim<sup>1</sup>, Norakyairee Mohd  
Raus<sup>4</sup>,**

Submitted: 29-Apr-2024  
Accepted: 28-Jun-2024  
Revised: 29-Jun-2024  
Published: 30-Jun-2024

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan,  
Universiti Islam Selangor,  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Pengurusan dan Muamalah,  
Universiti Islam Selangor  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Corresponding author's Email: [mohdizzuddin@uis.edu.my](mailto:mohdizzuddin@uis.edu.my)

### **Abstrak**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (PPPM, 2013) menyatakan komitmen negara untuk menyampaikan "Pendidikan Agama yang Berkualiti Tinggi" melalui pelaksanaan kurikulum kebangsaan yang menekankan dua aspek : Dini dan Kurikulum Tahfiz. Maka, akses untuk memahami al-Quran dan Hadis menjadi matlamat utama Pendidikan Islam, tidak terkecuali komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU). Penelitian perlu diperhalusi bagi membangunkan model ini yang didasari oleh landskap Pendidikan Khas. Tujuan penulisan ini adalah bertujuan menganalisa keperluan empat aspek utama bagi pembangunan ekosistem pendidikan iaitu aspek pedagogi, kemahiran dan sahsiah guru, advokasi masyarakat dan hak pendidikan OKU berdasarkan tinjauan perpustakaan. Diharapkan penulisan ini akan menjadi saranan dan cadangan untuk tindakan penyelidikan selanjutnya.

**Kata kunci:** *Ekosistem, OKU, Model Pendidikan, Integrasi Mikro, Makro*

### **Abstract**

*The Malaysian Education Blueprint 2013-2025 asserted nation commitment in delivering "high-quality religious education" through the implementation of national curriculum by raising two aspects: Dini and Tahfiz Curriculum. Hence, the access in understanding al-Quran and Hadith are primary aims in Islamic Education, including Person with Dissabilities. Robust research needs to be conducted to develop the learning model constructed by special needs education landscape. The purpose of this writing is to analyze the necessity of four main aspects for the development of the educational ecosystem, which are the aspects of pedagogy, teacher skills and character, community advocacy, and the educational rights of persons with disabilities. It is hoped that this writing will serve as recommendations and suggestions for further research actions.*

## *Model Ekosistem Pendidikan Orang Kelainan Upaya: Analisa Tinjauan Dokumen*

**Keywords:** *Ecosystem, OKU, Educational Model,*

## **1.0 PENGENALAN**

Ekosistem pendidikan merujuk kepada peranan organisasi dalam landskap pendidikan yang menyokong pembentukan dan pembangunan individu. Hal ini termasuk pemegang taruh yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kemenjadian pelajar. Dalam dunia pendidikan, organisasi makro terdiri daripada pembuat dasar, hak dan undang-undang, serta masyarakat, manakala organisasi mikro terdiri daripada guru, sekolah dan pentadbir.

Analisis tinjauan ini melibatkan perbincangan secara khusus aspek mikro pendidikan OKU yang melibatkan pedagogi, kemahiran, dan sahsiah guru. Aspek makro pula merangkumi advokasi masyarakat dan hak pendidikan OKU. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada fungsi kedua-dua aspek yang saling berinteraksi dan menyokong pendidikan inklusif untuk pelajar OKU. Dengan memberikan penumpuan kepada kedua-dua dimensi ini memberikan kefahaman terhadap pelbagai elemen dalam ekosistem pendidikan dalam memastikan keberhasilan pendidikan yang holistik dan inklusif.

## **2.0 PENGETAHUAN ASAS PEDAGOGI GURU**

Definisi pendekatan merujuk kepada pencapaian sesuatu objektif melalui penggunaan cara yang digunakan dalam memastikan isi pelajaran disampaikan secara berkesan. Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunakan iaitu pendekatan koperatif, pendekatan deduktif, pendekatan bermain sambil belajar, pendekatan secara kumpulan, kelas dan individu.

Manakala strategi pengajaran didefinisikan sebagai kebijaksanaan dalam memilih, merancang dan menguruskan kaedah serta teknik pengajaran dalam menghasilkan pencapaian yang optimum seperti strategi pemusatan guru, strategi pemusatan murid, dan strategi pemusatan bahan pelajaran (Syar Mezee, 2017). Strategi yang dipilih ada berkait rapat dengan pendekatan yang digunakan oleh seorang guru dalam melaksanakan pengajaran.

Selain itu, kaedah pengajaran ialah aktiviti yang dilaksanakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kaedah yang boleh digunakan adalah seperti tunjuk cara, simulasi, latih tubi, projek, sumbang saran, eksplorasi - penemuan.

Sehubungan itu, teknik merupakan kepelbagaian aktiviti dalam pengajaran yang bermanfaat dan mewujudkan suasana yang menyokong pembelajaran. Antara contoh-contoh teknik pengajaran yang boleh digunakan adalah seperti teknik main peranan, teknik permainan bahasa, teknik latih tubi, teknik bercerita, teknik kuiz, teknik sumbang saran, teknik soal jawab, teknik simulasi, teknik drama, teknik perbincangan. Oleh itu, keempat-empat komponen utama pedagogi ini perlu difahami agar objektif pengajaran dapat dicapai dengan sebaik yang mungkin dan memberikan faedah kepada pelajar.

Hasil dapatan kajian Ainul Basyirah & Manisah (2021), mendapati faktor kejayaan guru pendidikan khas melaksanakan PdP semasa pandemik adalah tinggi. Walau bagaimanapun pengetahuan teknologi maklumat dalam kalangan guru pendidikan khas masih berada pada tahap sederhana terutamanya aplikasi yang berkaitan dalam PdP. Hal ini kerana, PdP dalam talian bergantung kepada aspek ilmu pengetahuan teknologi maklumat guru serta hubungan dua hala bersama murid semasa pelaksanaannya. Justeru itu, sikap dan amalan guru dalam proses PdP adalah faktor utama yang akan menentukan kejayaan pelaksanaan pengajaran guru.

### 3.0 HAK PENDIDIKAN ORANG KELAINAN UPAYA

Orang Kelainan Upaya (OKU) adalah individu yang mengalami ketidakupayaan sama ada dari segi fizikal, mental, intelektual, pancaindera yang mempunyai halangan secara berpanjangan. Hal ini kerana OKU adalah sebahagian daripada ahli masyarakat yang mempunyai hak yang perlu diberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Perkara ini selari dengan *Statement and Framework for Action on Special Needs Education* dipersetujui pada tahun 1994. Disamping itu, Malaysia telah bertanggungjawab dalam menggubal dan memperkenalkan Akta Orang Kurang Upaya pada tahun 2008. Tambahan itu, Malaysia turut memberikan komitmen dalam menandatangani *United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (UNCRPD) pada 8 April 2008 dan telah disahkan pada 19 Julai 2010.

Selanjutnya, golongan OKU wajar diberikan peluang mendapat pendidikan daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Pelaksanaan dasar pendidikan inklusif bertujuan menghapuskan pengasingan pelajar OKU daripada pelajar-pelajar arus perdana yang lain. Dasar ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada pelajar OKU malahan kepada pelajar-pelajar lain tipikal yang lain juga. Penekanan Pendidikan Inklusif di peringkat institusi pendidikan dilihat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kelemahan dalam menyediakan kemudahan dan infrastruktur asas dalam menghasilkan persekitaran pembelajaran kondusif bagi pelajar OKU merupakan suatu bentuk diskriminasi yang perlu dijauhkan. Hal ini bertujuan dalam memberikan peluang dan ruang untuk belajar secara bersama agar dapat dimanfaatkan dengan lebih baik. Justeru, kelemahan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur asas pembelajaran yang kondusif bagi pelajar OKU merupakan suatu bentuk diskriminasi dan perlu kepada perubahan yang drastik dari semasa ke semasa.

Selain itu, setiap pelajar OKU mempunyai perasaan dan cita-cita yang sama dengan pelajar lain untuk mempunyai kerjaya dan kehidupan yang baik. Pengambilan pelajar OKU untuk melanjutkan pengajian di IPT akan memberi peluang pendidikan yang sama rata dengan individu lain supaya mereka tidak berasa tersisih daripada arus pembelajaran nasional (Hazlin Falina & Safura, 2017). Kejayaan pelaksanaan Pendidikan Inklusif bukan hanya bergantung kepada kesedaran dan kefahaman terhadap keperluan pelajar OKU, tetapi memerlukan perasaan empati yang tinggi terutama dalam kalangan pentadbiran tertinggi IPT yang bertanggungjawab merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Inklusif (*Disability Inclusion Blueprint*) di Institut Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing.

Memiliki pencapaian akademik dan mampu memperoleh cita-cita adalah suatu yang sangat diinginkan oleh pelajar OKU. Peluang pendidikan yang terbuka kepada pelajar OKU dalam meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi diharapkan dapat memberikan kehidupan lebih terjamin. Peranan IPT dalam pelaksanaan Pendidikan Inklusif melalui kefahaman terhadap OKU, dan mewujudkan garis panduan yang menjaga kebajikan OKU di IPT masing-masing. Hal ini kerana, akses pendidikan adalah perkara utama dalam membangunkan OKU. Selain itu, kewujudan kemudahan persekitaran yang mesra OKU dan penyediaan perkhidmatan sokongan dalam memudahkan OKU mengikut pengajian mampu memberikan faedah besar kepada pelajar OKU. Justeru, Hasnah Toran et al. (2010) mencadangkan agar perhatian IPT memberikan perhatian adalah seperti kemudahan awam, pengangkutan, penginapan, akses kepada teknologi maklumat. Hal ini kerana, masih terdapat kemudahan yang belum memuaskan dan tidak mesra OKU. Hal ini jelas menunjukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pihak

berkepentingan dalam membantu membangunkan kemudahan, suasana agar mampu mewujudkan modal insan OKU yang cemerlang.

Syar Meeze Mohd Rashid (2017) menyatakan bahawa pendidikan al-Quran bagi murid bekeperluan pendidikan khas hendaklah bersesuaian, berkesan dan menepati minat dan kecenderungan individu murid tersebut. Begitu juga dengan hak mendapatkan pendidikan al-Quran hendaklah diberikan mengikut kemampuan yang dimiliki. Selain itu, guru al-Quran mestilah melengkapkan kemahiran asas dalam pengajaran al-Quran bekeperluan khas dalam memastikan tanggungjawab dan hak kepada murid bekeperluan pendidikan khas dipenuhi agar dekat dengan al-Quran yang merupakan mukjizat terbesar dan menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup.

Hak pendidikan OKU memastikan akses sama rata kepada pembelajaran berkualiti, adaptasi kurikulum, dan sokongan khusus berkait rapat dengan kemahiran asas pengajaran guru selari dengan perkembangan individu pelajar dalam memberikan persekitaran pembelajaran yang inklusif.

#### **4.0 KEMAHIRAN ASAS PENGAJARAN GURU**

Peranan guru amatlah penting dalam pelaksanaan dasar pendidikan negara yang saling berkait rapat dengan perkembangan murid. Kualiti guru perlu mengikuti dan mencapai Standard Guru Malaysia serta tuntutan globalisasi. Empat aspek kemahiran asas guru yang dibincangkan di bawah memainkan peranan penting dalam pembentukan model ekosistem pendidikan OKU.

##### **4.1 Komunikasi**

Aktiviti pengajaran yang menarik mempunyai elemen komunikasi dua hala. Kemahiran komunikasi merupakan asas utama dalam penyampaian ilmu pengetahuan yang berkesan. Asas komunikasi guru terbahagi kepada lisan dan bukan lisan. Komunikasi lisan menggunakan percakapan dalam menyampaikan maklumat kepada penerima. Manakala komunikasi bukan lisan merupakan salah satu elemen dalam kemahiran mengajar yang dapat membantu guru mempertingkatkan kualiti pengajaran, minat dan motivasi murid (Samovar et al., 2002). Oleh itu, kemahiran komunikasi mampu menarik perhatian murid dan mewujudkan interaksi dua hala guru dan murid.

##### **4.2 Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkahlaku**

Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkahlaku merujuk kepada strategi dan teknik yang digunakan oleh guru untuk memastikan suasana pembelajaran yang produktif, menguruskan tingkahlaku pelajar dan memaksimumkan keberkesanan pengajaran di dalam kelas. Hal ini termasuk pelbagai pendekatan untuk menguruskan masa, bahan, dan ruang kelas, serta mengendalikan tingkahlaku pelajar yang mungkin mengganggu proses pembelajaran.

##### **4.3 Pemantauan Kemajuan**

Pemantauan yang rapi mampu memastikan kualiti pendidikan yang berterusan. Guru dibekalkan dengan kemahiran pemantauan kemajuan murid yang betul dan efektif. Menurut Hallinger (2010) menggariskan dimensi bagi memastikan pengajaran berlangsung dengan efektif adalah tiga aspek utama iaitu: pemantauan kurikulum, penilaian pengajaran dan pemantauan kemajuan murid. Hal ini boleh dilihat melalui model kepimpinan Instruksional yang juga selari dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (MEB, 8-10).

#### 4.4 Pengurusan Masa

Pengurusan masa amatlah penting dalam memastikan objektif pengajaran guru dapat dilaksanakan dengan tempoh masa pengajaran. Objektif pengajaran yang bersesuaian dengan aktiviti pengajaran yang dirancang. Pengurusan masa yang tidak berkesan menyebabkan segala perancangan tidak dapat dilaksanakan dengan tersusun. Berdasarkan kajian lepas, guru berpengalaman mempunyai tahap pengurusan masa yang lebih baik berbanding guru baharu (novis) (Urzatulshima Kamarudin & Lilia Halim, 2014).

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Fakarudin bin Abdul Wahab (2021) berkaitan Kompetensi Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran al-Quran Braille Murid Murid Bekeperluan Khas Penglihatan mendapati bahawa ilmu pengetahuan guru berada pada tahap sederhana rendah iaitu (min=2.814), begitu juga dengan tahap kemahiran memperoleh (min=2.814) dan hanya sikap memperoleh tahap yang tinggi iaitu (min=4.006).

### 5.0 SAHSIAH GURU

Sahsiah menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2011) bermaksud peribadi yang diamalkan oleh seorang individu. Sikap dan sahsiah guru memainkan peranan yang penting bagi menentukan pencapaian pelajar sama ada dari aspek akademik mahupun akhlak. Guru yang positif lebih diutamakan dengan pengamalan ilmu, berazam untuk mendidik pelajar agar berakhlak mulia dan beramal dengan nilai-nilai murni.

Hal ini menunjukkan bahawa guru berperanan dalam mempengaruhi akhlak dan tingkah laku pelajar. Perkara ini dijelaskan oleh Azizi, Jamaluddin dan K. Shoba (2010) berkaitan kemahiran guru dalam menentukan pencapaian pelajar dan berkemahiran dalam menggunakan kaedah berkesan dalam memberikan pendidikan kepada para pelajar agar berdisiplin. Seorang guru perlulah menjadi teladan yang baik kepada para pelajarnya (Gamal, 2003). Contoh teladan kepada pelajar sebagai sebagai duta ilmu, pengetahuan, kelakuan dan tingkahlaku yang diperhatikan oleh Allah s.w.t (Hamdi, Ab Halim, Rosadah, & Safani, 2012). Oleh yang demikian, guru hendaklah mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan, akhlak yang mulia agar kebaikan yang disampaikan mampu dipraktikkan dalam kehidupan pelajar dan sentiasa berterusan beramal dengan perintah agama Islam. Berikut merupakan contoh-contoh sahsiah guru yang sesuai dilaksanakan iaitu:

#### 5.1 Amanah dan Tanggungjawab

Setiap guru harus merasakan bahawa ilmu yang diketahui merupakan amanah yang berat diberikan oleh Allah s.w.t. Hal ini merupakan satu tanggungjawab besar dalam membina ketamadunan manusia. Menurut Ibnu Sahnun, amanah dan tanggungjawab adalah ciri penting sebagai seorang guru. Hal ini kerana apabila Ibu bapa memberi kepercayaan kepada guru, maka menerima murid-murid untuk dididik adalah amanah yang besar. Hal ini berdasarkan pernyataan berikut:

*"Hendaklah seorang guru bersungguh-sungguh dan meluangkan masa untuk murid"* (Ibnu Sahnun, 2020).

## 5.2 Adil

Guru yang takut kepada Allah s.w.t mampu melaksanakan tugas dengan penuh kesaksamaan. Hal ini kerana, insan yang memiliki sifat takut kepada Allah s.w.t, melaksanakan tugas dengan betul. Perkara ini dihuraikan Ibnu Sahnun dalam bab perlakuan yang adil kepada murid.

*"Hendaklah guru melayan murid sama rata dalam pengajaran: yang mulia, yang hina (semuanya sama di sisiNya), dan kalau dia tidak melakukan demikian, maka dia merupakan seorang pengkhianat"* (Ibnu Sahnun, 2020).

## 5.3 Prihatin

Sifat prihatin hendaklah dimiliki oleh guru. Kasih sayang yang ditunjukkan oleh seorang guru mampu membina hubungan yang baik dan harmoni kepada pelajar. Hal ini kerana, hubungan yang harmoni mampu menzahirkan perasaan dan sikap yang baik kepada pelajar. Antara contoh perasaan prihatin adalah perasaan sempurna, peka dan memantau terhadap tingkah laku pelajar, memberi sokongan penuh. Hal ini dihuraikan oleh Ibnu Sahnun di dalam kitabnya.

*"Tidak boleh guru menjadi sibuk (kerana urusan lain) daripada berkaitan muridnya, melainkan pada waktu yang dia tidak mengajar murid"* (Ibnu Sahnun, 2020).

Hal ini selari dengan pandangan Ab Halim (2023) yang menyatakan bahawa guru adalah seorang pendakwah yang memiliki keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang terpuji dalam memastikan proses pemindahan ilmu dapat disampaikan dengan bermakna dan dijadikan contoh oleh pelajar sama ada di dalam dan di luar kelas. Justeru itu, sahsiah guru hendaklah dipertunjukkan sikap amanah dan bertanggungjawab, memastikan setiap tugas dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas, adil dalam mengambil kira keperluan setiap murid tanpa pilih kasih yang membantu dalam memahami perkembangan emosi dan akademik pelajar.

## 6.0 KESEDARAN DAN ADVOKASI MASYARAKAT

Advokasi bererti membantu seseorang dalam sesuatu perkara. Advokasi turut menjelaskan bahawa keperluan pembelaan dan pengadilan, sokongan atau bantuan terhadap seseorang yang mempunyai masalah. Melalui perbincangan ini, kesedaran dan advokasi masyarakat melihat kepada isu ketidakadilan layanan terhadap golongan OKU sekaligus menyebabkan golongan ini terpinggir serta menjauhkan diri daripada masyarakat.

### 6.1 Kesedaran Masyarakat Mengenai OKU

Orang kelainan upaya (OKU) adalah satu kumpulan minoriti yang kurang berdaya saing dan dikaitkan dengan persepsi yang negatif. Hal ini kerana OKU dianggap sebagai individu yang tidak memiliki kesihatan yang baik memerlukan rawatan, pertolongan dan dianggap sebagai kurang upaya (Hazlin Falina, 2015).

Oleh itu, keperluan kepada kesedaran masyarakat kepada golongan OKU masih berada pada tahap kurang memuaskan. Hal ini menyebabkan kesukaran dalam proses penentuan, pemahaman, penilaian dan pembentukan

tingkah laku dalam kalangan masyarakat (Hazlin Falina, 2015). Selain itu, tahap kesedaran yang rendah disebabkan pendedahan maklumat tentang hak kesamarataan kepada masyarakat merupakan suatu kekangan kepada golongan OKU untuk terlibat dalam kegiatan kemasyarakatan. Bahkan, maklumat statistik berkaitan isu OKU dan permasalahan yang dihadapi menyebabkan ahli masyarakat kurang cakna tentang keperluan OKU (Hasnah et.al, 2010).

## 6.2 Akta OKU 2008

Bersandarkan kurangnya kecaknaan serta kesedaran masyarakat mengenai OKU, di Malaysia telah wujud akta OKU 2008 yang berfungsi dalam memberikan pembelaan sewajarnya terhadap golongan rentan ini dalam menjalani kehidupan seharian. Akta OKU (2008) merupakan suatu yang positif dalam menjamin hak OKU. Hal ini pada awalnya sebagai satu pendekatan advokasi yang memberikan mesej dan kesedaran permulaan kepada ahli masyarakat mengenai hak-hak OKU. Justeru itu, penekanan kepada seksyen 41 Akta 2008 yang memberi perlindungan kepada pihak kerajaan dalam apa-apa tindakan mahkamah merupakan sesuatu yang boleh difahami dan diterima di peringkat awal pengubalannya.

## 6.3 Dasar Inklusif

Dasar inklusif yang telah diperkenalkan mampu memberikan pendedahan kepada keperluan pihak IPT dalam memberikan suasana pembelajaran yang selesa kepada pelajar OKU. Hal ini disambut dengan kewujudan Pelan Tindakan 2012 yang menggariskan Dasar Inklusif OKU di IPT yang mampu mencapai matlamat pendidikan inklusif yang disasarkan. Inklusif bermaksud setiap individu mempunyai peranan tanpa mengambil kira keupayaan dan kelemahan fizikal yang dihadapi. Idea perpaduan amatlah berkait dengan konsep inklusif yang dicadangkan oleh Quinn & Degener (2002) iaitu ahli masyarakat, termasuk OKU mengiktiraf peranan dan perjanjian berasaskan kefahaman asas kebebasan melalui asas ekonomi dan sokongan sosial.

Peranan dasar pendidikan inklusif adalah mengelakkan pembahagian pelajar OKU daripada pelajar tipikal yang lain. Hal ini memberikan faedah kepada semua pelajar. Penekanan Pendidikan Inklusif di peringkat sekolah dibuktikan dengan rujukan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (MEB) 2013-2025. Namun demikian, pada peringkat pengajian tinggi, keperluan pelajar berkeperluan khas tidak diberi penekanan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengarahkan Pelaksanaan Pelan Tindakan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar kurang upaya di semua universiti awam (Ruj: JPT (BHEPP) 1000/08/03 (18) bertarikh 8 Mei 2012). Meskipun beberapa langkah telah diambil, namun pencapaian Pendidikan Inklusif di peringkat IPT masih perlu dimantapkan.

Tiga ciri utama dalam pendidikan inklusif adalah tidak mendiskriminasi, penglibatan dalam kehidupan bermasyarakat, kemudahan yang meningkatkan potensi OKU. Elemen ciri yang pertama adalah tidak mendiskriminasi berkaitan penerimaan kepada kepelbagaian ketidakupayaan dalam hal ehwal sosial, ekonomi dan politik. Ciri kedua adalah berperanan dalam menyelesaikan kekangan sikap dan persekitaran dalam menyamaratakan hak asasi OKU, manakala ciri ketiga adalah penyediaan kemudahan kepada OKU agar survival kehidupan dapat diteruskan dan ditambahbaik semasa ke semasa. Dari sudut pandangan masyarakat terhadap aspek kesihatan adalah ketidakupayaan menjadi kekangan untuk diterima sebagai ahli masyarakat dan berbeza dengan insan tipikal yang lain. Kefahaman masyarakat perlu berubah daripada hanya memerlukan bantuan kebajikan dan

pemulihan kepada pengiktirafan hak asasi. Hal ini dapat merapatkan perbezaan dan status dalam menyelesaikan diskriminasi kepada OKU.

Penglibatan dalam kehidupan yang memerlukan ahli masyarakat memahami dan membantu OKU melalui sokongan kepada akses kemudahan seperti kemudahan umum, alat sokongan dan sebagainya. Selain itu, kemudahan fasiliti seperti bahan bacaan, guru khidmat OKU bahkan keperluan kepada kurikulum pendidikan yang lengkap. Selain itu, peluang kepada pekerja OKU dari segi latihan, perkembangan kerjaya mampu memberikan peningkatan kepada kualiti kerja. Justeru, semua ahli masyarakat diharapkan menerima OKU dalam kehidupan masyarakat dan merasakan persepsi yang positif terhadap kehadiran OKU sebagai ahli masyarakat.

#### 6.4 Hak OKU : Akses Dalam Pendidikan

OKU diberi peluang memperoleh pendidikan bermula pada peringkat pendidikan rendah sehingga ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Peluang kepada pendidikan diharapkan membantu OKU agar sentiasa berusaha, dan berdikari yang akhirnya menyumbang kepada negara, bangsa dan Agama. Namun begitu, institusi pendidikan memerlukan kemudahan lengkap berkaitan kemudahan OKU berkaitan pengangkutan agar penyertaan dalam sistem pendidikan dapat dihasilkan dengan lebih baik.

Justeru, pendidikan bertaraf antarabangsa tidak mengabaikan OKU dalam kebersamaan kehidupan OKU dan masyarakat. Hal ini memerlukan penyertaan sokongan ahli dalam institusi pendidikan seperti kakitangan pentadbiran, guru, pentadbir memiliki kecaknaan kepada pendidikan inklusif OKU dan kepelbagaian OKU serta keperluan kurikulum pendidikan yang bersesuaian dengan hala tuju pendidikan OKU.

Permasalahan berkaitan kebolehcapaian akses dilalui oleh OKU tanpa mengira jantina, latar belakang dan bangsa. Kesukaran yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan, penjagaan kesihatan, tempat tinggal, termasuk di kawasan perumahan, hospital dan lain-lain tempat. Hal ini menyebabkan OKU perlu bergantung kepada ahli keluarga untuk dibawa ke mana sahaja disebabkan akses yang terhad. Selain itu, cabaran lain seperti mendapatkan peluang pekerjaan kerana keadaan fizikal yang dihadapi. Oleh yang demikian, akses yang sama rata dapat, memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam menerima kehadiran kelompok istimewa sebagai anggota masyarakat (Hazlin Falina Rosli et al., 2022).

Akses kepada pendidikan adalah hak asasi setiap individu, memastikan peluang pembelajaran yang saksama tanpa mengira latar belakang sosioekonomi. Hal ini kerana, pendidikan berkualiti tinggi meningkatkan kualiti hidup dan membentuk masyarakat berpengetahuan. Usaha berterusan diperlukan dalam mengurangkan halangan fizikal, ekonomi, dan sosial.

## 7.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pembentukan model ekosistem pendidikan OKU mampu memberikan panduan buat guru-guru dalam menghasilkan pencapaian yang optimum. Peranan guru dalam membimbing pelajar amat penting lebih-lebih lagi untuk pelajar OKU dalam meningkatkan taraf pendidikan mereka. Selain itu, kemahiran yang berkesan dalam pengajaran membantu pelajar OKU untuk terus bersemangat. Ekosistem pendidikan yang saling menyokong membantu

meningkatkan penglibatan golongan OKU dalam pendidikan inklusif seperti mana keistimewaan yang diperoleh dalam arus perdana. Dengan pembentukan model ini, ia dapat membantu dalam perkembangan ilmu terutama berkaitan pendidikan terhadap OKU.

## 8.0 Rujukan

- Akta OKU. 2008. Undang-Undang Malaysia Versi Atas Talian Teks Cetakan Semula Dikemas Kini Akta 685 Sebagaimana pada 1 Julai 2014.
- Azizi, Jamaluddin dan K. Shoba (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di Johor”.
- Abdul Sani, N. (2018, November). Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pranumerasi di Tadika Swasta (Planning, Implementation and Assessment Practices in the Teaching and Learning Process of Prenumeration in Private Kindergarten). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(02).
- Ahmad Fakarudin bin Abdul Wahab. 2021. Kompetensi Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran al-Quran Braille Murid Murid Bekeperluan Khas Penglihatan. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainul Basirah Mokhtar & Manisah Mohd Ali: 2021. *Faktor Kejayaan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Pandemik Covid-19: Tinjauan Kepada Guru Pendidikan Khas di Selangor*. International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education. Volume 1, No. 4, 2021. Pages 140-151.
- Carol Ann Tomlinson. 2014. *The Differentiated Classroom: Responding to the Needs of All Learners 2nd Edition*. ASCD Publisher.
- Dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan. 2013-2025 (PPPM, 2013) Pelan Pembangunan Pendidikan Inklusif (*Disability Inclusion Blueprint*) di IPT . Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif OKU di IPT Ruj: JPT (BHEPP) 1000/08/03 (18) bertarikh 8 Mei 2012.
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, Safani Bari. 2012. Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2), 2012, 11-24.
- Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar dan Nur Hazwani Hamzah. 2010. *Pengetahuan dan sikap rakan sebaya terhadap pelajar kurang upaya di sebuah IPTA di Malaysia*. AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 2 (2). pp. 22-34. ISSN 1985-5826.
- Hazlin Falina Rosli & Safura Ahmad Sabri. 2017. Halangan Fasiliti Pelajar Orang Kurang Upaya(OKU) di Institusi Pengajian Tinggi di Lembah Klang. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, Vol. 2, (June).
- Hazlin Falina Rosli, Safura Ahmad Sabri, Norazla Abdul Wahab, Nurzakira Afnee Zakaria. 2015. Kesedaran Golongan Majikan Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia. *Proceedings International Conference On Management & Muamalah (ICoMM 2015)*. 17 November 2015. Bangi – Putrajaya Hotel.
- Hafizhah Zulkifli & Harun Baharudin. 2023. Kelestarian Pendidikan Rabbani. Bab Dalam Buku. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.

- Imam Ibn Shahnun. 2019. Terjemahan Adab Para Guru oleh Mohammad Syafiq Ismail. ABIM Press. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2011). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (MEB). 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Quinn, Degener, Bruce, Burke, Castellino, Kenna, Kilkelly, Quinlivan, Shivaun. 2002. *Human rights and disability : the current use and future potential of the United Nations human rights instruments in the context of disability*. New York ; Geneva.
- Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education*. 1994.
- Samovar L. A. & Porter R. E.,2002. *Intercultural Communication: A Reader*, 8 th ed. Belmont CA: Wadsworth Publishing Co. pp. 379-93.
- Siti Salwa Md. Sawari dan Azlina Mustaffa. 2014. *Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku Adab Al Muallimin*. The Online Journal of Islamic Education. July 2014, Vol. 2 Issue 2.
- Syar Meeze Mohd Rashid. 2017. Kemahiran Asas Serta Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran al-Quran Kepada Golongan Istimewa. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 1(1). <https://doi.org/10.33102/jqss.vol1no1.3>.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi, & Muhammad Azhar Zailani. (2016). Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika*, 86(02), 31–42. <https://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-02>.
- Urzatulshima Kamarudin & Lilia Halim, 2014. Tahap Pengurusan Pelajar dan Pengurusan Masa dalam Pengajaran Amali Fizik. *Sains Humanika*, 2(4). Universiti Teknologi Malaysia.